



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA EKITELA MORU, PESURUHJAYA TINGGI KENYA KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 14 OGOS 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Ekitela Moru, Pesuruhjaya Tinggi Kenya ke Malaysia pada 13 Ogos 2026. Pertemuan julung-julung kali ini diadakan bagi memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk meneroka potensi kerjasama dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan, di samping membincangkan tentang penyertaan Kenya di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026.

Rekod perdagangan pertanian antara Malaysia dan Kenya sehingga Disember 2025 mencatatkan nilai sebanyak RM5.38 bilion, merangkumi eksport minyak kelapa sawit dan pelbagai produk makanan diproses, serta produk kopi, koko dan rempah. Kenya pula banyak mengimport produk kopi, koko dan rempah dari Malaysia.

Kenya pada masa sama mengesahkan penyertaan mereka dalam MAHA 2026 susulan sambutan hangat dan permohonan yang tinggi daripada pelbagai syarikat dari negara itu yang menyatakan minat menyertai ekspo pada tahun ini. Selain itu, Pesuruhjaya Tinggi Kenya memaklumkan bahawa Menteri Pembangunan Pertanian dan Ternakan Kenya, TYT Sen. Mutahi Kagwe juga dijangka menghadiri majlis pembukaan MAHA 2026 dan mencadangkan supaya pertemuan dua hala dapat diadakan sempena lawatan beliau ke Malaysia kelak.

Pertemuan kali ini turut membincangkan status kerjasama terutamanya dalam penerokaan akses pasaran baharu serta pengharmonian standard bagi produk pertanian.

Pada akhir pertemuan, YB Menteri mengalu-alukan penyertaan besar dari pihak Kenya ke ekspo MAHA 2026 yang akan berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026, dengan membawa tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kunjungan hormat kali ini turut disertai oleh Setiausaha Bahagian Antarabangsa, Puan Siti Salwahanim Mohd Nazir, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan, Encik Khalid bin Ibrahim serta pegawai dari Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA).

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

